

CUTI BERSALIN

1. PENGENALAN

Cuti bersalin adalah cuti yang diberikan kepada pegawai wanita untuk bersedia dan pulih daripada bersalin (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2017). Manakala mengikut tafsiran kamus Oxford, cuti bersalin ialah *A period of time when a woman is allowed to be away from work before and after having a baby*. Cuti bersalin diberikan kepada pekerja wanita yang bekerja di dalam organisasi mengikut tempoh masa tertentu selepas kelahiran anaknya dan berhak mendapat elaun/gaji semasa cuti tersebut. Pada asasnya cuti ini diberikan untuk meningkatkan kualiti kesihatan selepas melahirkan anak, mengelak kemurungan dan mengeratkan kasih sayang di antara ibu dan anak.

2. UNDANG-UNDANG BERKAITAN CUTI BERSALIN

Cuti bersalin diberikan kepada pekerja-pekerja wanita yang bekerja di dalam sektor-sektor pekerjaan dan dibayar mengikut undang-undang serta syarat-syarat yang terpakai di sesebuah negara. Tempoh masa cuti bersalin berbayar di setiap negara adalah berbeza-beza. Mengikut piawaian *International Labour Organization (ILO) Maternity Protection Convention (Revised), 1952* (No. 103) cuti bersalin perlu minimum 12 minggu tetapi walaubagaimanapun disyorkan adalah selama 14 minggu. Menerusi kenyataan media ILO pada 16 Februari 1998 menyatakan bahawa lebih 120 negara di dunia telah memberi cuti bersalin berbayar dan faedah kesihatan mengikut undang-undang kecuali Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat. Manakala mengikut, *World Population Review* telah mengenalpasti beberapa negara di dunia yang memberi tempoh masa cuti bersalin yang terpanjang seperti berikut:-

Negara	Tempoh Cuti Bersalin (Minggu)
Bulgaria	58.6
Greece	43
United Kingdom	39
Croatia	30
Chile	30
Czech Republic	28
Ireland	26
Hungary	24
Italy	21.7
Poland	20
Luxembourg	20
Estonia	20

Sumber: *World Population Review*

Merujuk kepada The Asean Post Team yang menganalisa tempoh cuti bersalin berbayar di negara-negara ASEAN seperti dibawah yang menunjukkan Malaysia adalah negara yang paling sedikit memberikan tempoh cuti bersalin kepada pekerja-pekerja dan negara Vietnam adalah yang paling panjang memberikan tempoh cuti bersalin.

Negara	Tempoh Cuti Bersalin (Hari)
Vietnam	180
Singapura	112
Filipina	105
Brunei	105
Lao PDR	105
Myanmar	98
Thailand	90
Indonesia	90
Kembodia	90
Malaysia	60

Sumber: The Asean Post Team

Senario di Malaysia cuti bersalin untuk penjawat awam ialah 360 hari sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia (penjawat awam diberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh mengambil cuti bersalin antara 60 hingga 90 hari setiap kelahiran anak) – (Jabatan Perkhidmatan Awam).

Manakala untuk pekerja swasta wanita adalah tertakluk kepada Akta Kerja 1955 tanpa mengira had gaji layak mendapat cuti bersalin sebanyak 60 hari (Seksyen 37, Akta Kerja 1955). Oleh kerana cuti bersalin di bawah Akta Kerja 1955 dilihat lebih singkat berbanding dengan cuti bersalin penjawat awam dan negara-negara lain, pindaan telah dibuat dibawah akta tersebut iaitu cuti bersalin telah dilanjutkan daripada 60 hari kepada 98 hari. Pindaan telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 21 Mac 2022 dan juga telah diluluskan di Dewan Negara pada 29 Mac 2022. Asas kepada pindaan ini adalah untuk mengutamakan keluarga dan mematuhi *ILO Maternity Protection Convention 2000* (No. 183) yang telah menyarankan cuti bersalin tidak kurang 14 minggu (98 hari).

3. KESIMPULAN

Pemberian cuti bersalin berbayar yang dilaksanakan di Malaysia dan di negara-negara lain adalah berbeza-beza dan ianya tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam peraturan, pekeliling dan akta-akta yang dikuatkuasakan.

RUJUKAN

Legal Research Board (2012) *Akta Kerja 1955 (Akta 265)*. International Law Book Services.

Jabatan Perkhidmatan Awam (13 Disember 2017) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2017. Diakses melalui <https://docs.jpa.gov.my/docs/pp/2017/pp052017.pdf>

Maternity Leave (n.d) Oxford Learner's Dictionaries. Diakses melalui
<https://www.Oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/maternity-leave?q=MATERNITY+LEAVE>

International Labour Organization (n.d) C103 Maternity Protection Convention (Revised), 1952 (No. 103).

https://www.ilo.org/dyn/normlex/en/f?p=NORMLEXPUB:12100:0::NO::P12100_INSTRUMENT_ID:312248

World Population Review (n.d) Maternity Leave by Country. Diakses melalui <https://worldpopulationreview.com/country-rankings/maternity-leave-by-country>

The Asean Post Team (26 Julai 2020) Pregnancy Discrimination in Southeast Asia. Diakses melalui <https://theaseanpost.com/article/pregnancy-discrimination-southeast-asia>

Disediakan oleh:

Jabatan Perhubungan Perusahaan Terengganu

11 April 2022